



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR

LAPORAN TAHUNAN

2016



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dato' Haji Marsan bin Kassim

PENASIHAT

Haji Mohamad Yazid bin Baharudin

KETUA SIDANG REDAKSI

Hajah Kasmah binti Kasno

SIDANG REDAKSI

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar
Norhafizah binti Osman
Hajah 'Aini binti Khairan
Abdul Rahman bin Hashim
Mohd Firdauz bin Mustaffa
Zaharah binti Othman

JURUFOTO

Mishazli bin Abdul Rahim

KERJASAMA

Ahli-Ahli Suruhanjaya

PENGHARGAAN

Bahagian Pengambilan dan Pentadbiran
Bahagian Pengurusan Maklumat

KANDUNGAN

4	Visi, Misi dan Moto
6	Perutusan Pengerusi
9	Kata Aluan Setiausaha
10	Ringkasan Eksekutif
14	Latar Belakang
16	Ahli-Ahli Suruhanjaya
18	Urus Setia Suruhanjaya Carta Organisasi Fungsi Bahagian
23	Kaedah Pengambilan
26	Urusan Pelantikan
30	Urusan Perkhidmatan
42	Urusan Naik Pangkat Dan Kawalan Tatatertib
45	Mesyuarat Suruhanjaya
47	Perbelanjaan Mengurus
50	Pengurusan Maklumat dan ICT
55	Aktiviti Suruhanjaya
64	Aktiviti Warga SPAJ
68	Penghargaan

VISI & MISI

VISI

Menjadi agensi berwibawa dalam urusan pelantikan dan pengurusan perkhidmatan penjawat awam Negeri Johor.



MISI

Melantik anggota perkhidmatan awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan terbaik bagi memenuhi keperluan Negeri Johor.

PERUTUSAN

PENGERUSI

“

SPAJ bertanggungjawab
untuk memilih calon-calon
yang berkualiti untuk
dilantik dan berupaya
menjalankan perkhidmatan
terbaik dan cemerlang
kepada rakyat

”



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera


Alhamdulillah, saya ingin menzahirkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2016 selaras dengan peruntukan yang termaktub di bawah Seksyen 17 Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Laporan ini diharap menjadi asas perkongsian maklumat dan sumber rujukan kepada pihak yang berkepentingan dan juga jabatan-jabatan Kerajaan selaras dengan hasrat bagi memastikan keberkesanan pengurusan sumber manusia Perkhidmatan Awam Johor.

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk meneruskan dasar pentadbiran dan pembangunan yang Inklusif maka keperluan kepada sumber manusia yang berkualiti dan penyampaian perkhidmatan awam yang terbaik merupakan pemangkin utama dalam merealisasikan cita-cita tersebut. Sebagai Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan Pegawai Awam dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor, adalah menjadi tanggungjawab pihak SPAJ untuk memilih calon-calon yang berkualiti untuk dilantik dan berupaya menjalankan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada rakyat.

Suruhanjaya telah mengadakan beberapa penambahbaikan bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan demi kemudahan pelanggan. Antara penambahbaikan adalah seperti permohonan jawatan kosong secara Online dalam Sistem JohorCareer, mengadakan temu duga dan membuat keputusan menggunakan Modul Sistem Penilaian Prestasi Temu Duga (SPPT) dan mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mengadakan peperiksaan secara online bagi jawatan-jawatan tertentu.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini merakamkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada pengurusan dan warga kerja SPAJ seluruhnya atas komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya berdoa semoga usaha gigih yang dilakukan akan diberkati oleh Allah SWT jua.

DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



KATA ALUAN SETIAUSAHA

“SPAJ sentiasa komited
untuk memberikan
perkhidmatan terbaik”



KATA ALUAN SETIAUSAHA

Assalamualikum Dan Salam Sejahtera

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April 1959. Peranan Suruhanjaya ini sangat penting dalam mengendalikan urusan Pelantikan, Pengesahan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Rayuan Permohonan Kenaikan Pangkat dan Tindakan Tatatertib ke atas penjawat awam yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Johor.

Pada masa kini, sistem teknologi maklumat berkembang dengan sangat pantas di seluruh dunia. Perkongsian maklumat boleh dilakukan dengan sangat cepat dan mudah. Untuk itu Portal Rasmi Suruhanjaya diwujudkan bagi memudahkan pihak Suruhanjaya menyampaikan maklumat yang terkini berkenaan aktiviti terutama yang berkenaan dengan pelbagai jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Awam Johor.

SPAJ sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik khususnya di dalam proses pengambilan untuk mengisi kekosongan pelbagai jawatan di dalam Perkhidmatan Awam Johor. Bagi memastikan keselesaan calon, Temu Duga dijalankan di daerah-daerah dalam Negeri Johor. Hanya calon yang terbaik sahaja ditawarkan bagi mengisi sesuatu kekosongan jawatan.

Akhir kata, salam ta'zim dan selamat sejahtera.

HAJI MOHAMAD YAZID BIN BAHARUDIN
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya dan menghantarkannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan salinannya dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959 sebagai sebuah Badan yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpecen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas orang-orang di dalam perkhidmatan awam Johor selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Dalam melaksanakan semua fungsi Suruhanjaya, Seksyen 4 (2) , Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli.

Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Bagi tahun 2016 di bawah kepala Tanggungan T.02, Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM485,179 . Perbelanjaan tersebut adalah untuk perbelanjaan Bekalan dan Perkhidmatan. Setakat 31 Disember 2016 jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM480,474.73 atau 99.00% berbanding peruntukan yang diluluskan.

Dibawah maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM889,000. Daripada jumlah tersebut, peruntukan emolumen adalah sebanyak RM638,500 dan Bekalan dan Perkhidmatan sebanyak RM250,500. Perbelanjaan sebenar sehingga 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM811,296.55 atau 91.25% daripada peruntukan yang diluluskan.

Sepanjang tahun 2016, SPAJ telah menjalankan urusan kerja dan mesyuarat selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang telah dinyatakan dalam Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Urusan Kerja dan tindakan-tindakan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1	Permohonan Bilangan Permohonan di terima	31,960
2	Pengambilan Bilangan urusan pengambilan	7
3	Pelantikan Bilangan Pelantikan Tetap	220
4	Urusan Perkhidmatan Bilangan Pengesahan Pelantikan Bilangan Pengesahan Dalam Pkhidmatan Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan Bilangan Pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) Bilangan Pemberian Taraf berpencen Bilangan Penetapan Gaji permulaan Bilangan Pertukaran Pelantikan	267 1,076 15 12 432 23 10
5	Urusan Kenaikan Pangkat Bilangan Kenaikan Pangkat Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat	1 1
6	Urusan Tatatertib Bilangan Tindakan Tatatertib Bilangan Rayuan Tatatertib	- 9

Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1	Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	12
2	Mesyuarat Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	2
3	Mesyuarat Tapisan	6
4	Mesyuarat Pelantikan	8
5	Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Pejabat SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1
6	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	4
7	Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	1
8	Mesyuarat Lanjut Tempoh Percubaan	5
9	Mesyuarat Penentuan Gaji Permulaan	9

LATAR BELAKANG

SPAJ

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April 1959.

OBJEKTIF DAN TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi:

- Melantik.
- Mengesahkan.
- Memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpenyen.
- Menaikkan Pangkat.
- Menukar.
- Menjalankan Kawalan Tatatertib ke atas pegawai yang berada di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(1) Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

PENARIKAN BALIK PERWAKILAN KUASA DI BAWAH PEKELILING TETAP KERAJAAN JOHOR BILANGAN 96 BERTARIKH 10 FEBRUARI 1964

Suruhanjaya telah menarik semula kuasa yang diwakilkan kepada jabatan sebagaimana dalam surat perwakilan kuasa tahun 1964. Semua urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi jawatan Gred 16 dan ke bawah dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepenuhnya.

AHLI-AHLI

SURUHANJAYA

PENGENALAN

Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor di lantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di bawah Seksyen 4(2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana berikut:

PENGERUSI

- ❑ YB Dato' Haji Marsan bin Kassim

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

- ❑ Tuan Haji Mohd. Jaffar bin Haji Awang
- ❑ Tuan Haji A. Jabar bin Md. Tahir
- ❑ YB Dato' Haji Abd. Razak bin Hassan
- ❑ Tuan Haji Norizan bin Kulob



- ❑ Dari kiri YB Dato' Haji Abd. Razak bin Hassan, Tuan Haji Mohd. Jaffar bin Haji Awang, YB Dato' Haji Marsan bin Kassim, Tuan Haji A. Jabar bin Md. Tahir dan Tuan Haji Norizan bin Kulob

URUS SETIA
SPAJ

PENGENALAN

Urus setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N29 serta 13 orang pegawai sokongan pelbagai jawatan dan gred. Pejabat urus setia Suruhanjaya terletak di Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN URUS SETIA SPA JOHOR

Setiausaha

Haji Mohamad Yazid bin Baharudin

Penolong Pegawai Tadbir

Hajah Kasmah binti Kasno

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

Setiausaha Pejabat

Norhafizah binti Osman

Pembantu Tadbir Kanan

Hajah 'Aini binti Khairan

Pembantu Tadbir (Kewangan)

Mishazli bin Abdul Rahim

Pembantu Tadbir (P/O)

Mohd Firdauz bin Mustaffa

Abdul Rahman bin Hashim

Noratikah binti Zainuddin

Zaharah binti Othman

Faiza binti Saman

Pegawai Khidmat Pelanggan

Nur Afifah binti Md Salleh

Pembantu Operasi

Jamaluddin bin Ahmad

Pemandu Kenderaan

Mohd Amir bin Masdi

URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR




Dari Kiri Duduk

Puan Nur Afifah binti Md Salleh, Puan Norhafizah binti Osman, Puan Hajah Kasmah binti Kasno, Haji Mohamad Yazid bin Baharudin, Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar, Puan Hajah 'Aini binti Khairan

Dari Kiri Berdiri

Puan Faiza binti Saman, Puan Zaharah binti Othman, Encik Jamaluddin bin Ahmad, Encik Abdul Rahman bin Hashim, Encik Mohd Firdauz bin Mustaffa, Encik Mohd Amir bin Masdi, Encik Mishazli bin Abdul Rahim, Puan Noratikah binti Zainuddin, Cik Nurhidayah binti Saroni

CARTA ORGANISASI URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR



FUNGSI BAHAGIAN

BAHAGIAN PENGAMBILAN, PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran Dan Kewangan

Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan kakitangan dan menguruskan belanjawan, kewangan am, pelupusan inventori dan harta modal jabatan.

Unit Pengambilan Dan Perkhidmatan

Melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 40 ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi:

1. Pengesahan Pelantikan.
2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan
3. Perlanjutan Tempoh Percubaan.
4. Pengecualian Menghadiri PTM
5. Pemberian Taraf Berpencen.
6. Penetapan Gaji Permulaan.
7. Pertukaran Perkhidmatan.
8. Penamatan Perkhidmatan.

Melaksanakan urusan Rayuan Kenaikan Pangkat dan Rayuan Tatatertib bagi semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Menguruskan Kenaikan Pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara sistem perkomputeran yang meliputi aplikasi, infrastruktur rangkaian, peralatan dan perisian komputer.

Membuat penyelenggaraan ke atas komputer yang telah dibekalkan serta memastikan peralatan ICT tersebut dalam keadaan yang baik.

Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.

KAEDAH

PENGAMBILAN

KAEDAH PENGAMBILAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG

URUSAN PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan di dalam Portal JohorCareer. Bagi tahun 2016 Suruhanjaya telah membuat satu (1) pengiklanan bagi tujuh (7) Skim Perkhidmatan dengan kekosongan sebanyak 241 jawatan.

TAPISAN CALON

Kaedah pengambilan yang biasa dilakukan oleh SPAJ adalah calon perlu melalui dua proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal dan temu duga. Walaubagaimanapun bagi berapa jawatan tertentu proses saringan melibatkan empat proses iaitu:

❖ Tapisan Awal

Calon-calon yang memohon dan mendaftar secara online dengan SPAJ bagi jawatan berkenaan akan ditapis permohonannya samada memenuhi syarat/Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang dipohon.

❖ Peperiksaan

Peperiksaan online bagi jawatan-jawatan tertentu telah diadakan mulai tahun 2015 dimana ujian ini telah mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Masa dan tarikh yang fleksibel akan di berikan kepada calon mengikut kesesuaian bagi menduduki peperiksaan tersebut.

Komponen penilaian dalam peperiksaan ini termasuk pengetahuan dari segi kenegaraan, pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.

❖ Penilaian Kompetensi

Bagi jawatan-jawatan tertentu juga, calon-calon yang melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi penilaian kompetensi. Pada sesi ini calon akan di nilai dari segi kompetensi yang melibatkan sikap produktif, kreatif, inovatif, pemudahcara, intergriti dan tindak balas yang cepat dan ada ciri berfikir dan bertindak dalam menghasilkan kerja yang teratur, betul dan sempurna. Sesi ini juga melibatkan penilaian dari segi kecergasan, pengucapan awam dan latihan dalam kumpulan.

❖ Temu Duga

SPAJ menjalankan temu duga dengan tujuan dapat bersemuka dan menilai calon-calon berdasarkan kompetensi dan kebolehan bagi memastikan calon yang dipilih memang yang terbaik dan tepat untuk menyandang jawatan sebagai penjawat awam. Buat masa ini kaedah penilaian akan dinilai mengikut tingkah laku, cara berfikir dan kebolehan dan keupayaan calon untuk menjawab dan menilai sesuatu isu atau fakta yang dikemukakan.

PUSAT-PUSAT TEMU DUGA

Bagi melancarkan urusan temu duga dan keselesaan kepada calon maka SPAJ mengadakan temu duga bukan sahaja di pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor bahkan di daerah-daerah di negeri Johor. Antara pusat-pusat temu duga SPAJ adalah seperti berikut:



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri
Johor.

PEJABAT DAERAH MUAR PEJABAT TANAH MUAR

Jalan Peteri, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor



PEJABAT DAERAH BATU PAHAT PEJABAT TANAH BATU PAHAT

Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail,
Jalan Bakau Chondong, 83000 Batu Pahat,
Johor



PEJABAT TANAH KLUANG

Pentadbiran Tanah, Pejabat Tanah Kluang,
86000, Kluang, Johor



PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI

Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
81900, Kota Tinggi, Johor



PEJABAT TANAH PONTIAN

Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail
82000, Pontian, Johor





URUSAN PELANTIKAN

PENGENALAN

Pelantikan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor merupakan salah satu daripada beberapa fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan dalam portal JohorCareer. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada Jabatan melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Pada tahun 2016, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah sebanyak 31,960. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,360 (10.51%) calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Daripada jumlah yang dipanggil temu duga, seramai 2,082 telah menghadiri temu duga dan seramai 220 orang telah dilantik dan ditawarkan **Pelantikan Tetap**. Butiran menunjukkan jumlah permohonan, calon di panggil temu duga, calon hadir temu duga dan jumlah pelantikan tetap bagi Tahun 2015-2016 adalah sebagaimana di **Jadual 1**.

Jadual 1
Bilangan Permohonan, Calon Di panggil Temu Duga,
Calon Hadir Temu Duga, Calon Pelantikan Tetap
Bagi Tahun 2015 – 2016

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	BILANGAN CALON YANG LAYAK DIPANGGIL TEMU DUGA	BILANGAN CALON HADIR TEMU DUGA	JUMLAH CALON BERJAYA
2015	20,556	1,237	1,053	416
2016	31,960	3,360	2,082	220

Jadual 2 pula menunjukkan butiran terperinci jumlah permohonan, calon dipanggil temu duga, calon hadir temu duga dan jumlah pelantikan tetap mengikut skim Perkhidmatan bagi Tahun 2016.

Jadual 2
Bilangan Permohonan, Calon Di panggil Temu Duga,
Calon Hadir Temu Duga, Calon Pelantikan Tetap
Mengikut Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH PEMOHON	JUMLAH CALON YANG LAYAK DIPANGGIL TEMU DUGA	JUMLAH CALON HADIR TEMU DUGA	JUMLAH PELANTIKAN
1	Pembantu Makmal	C19	3,350	16	16	1
2	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	13,066	2,704	1,395	140
3	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	3,792	31	31	5
4	Juruteknik Komputer	FT19	1,046	57	56	4
5	Penghulu	NP29	1,252	193	190	18
6	Penolong Pegawai Pertanian	G29	4,229	304	114	50
7	Penolong Pegawai Belia Dan Sukan	S29	5,225	55	53	2
JUMLAH			31,960	3,360	2,082	220

PELANTIKAN TETAP


Sebanyak tujuh (7) **Urusan Pengambilan** telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2016. Urusan ini meliputi pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Bilangan pelantikan tetap ke perkhidmatan kerajaan pada tahun 2016 adalah seramai 220 calon. Daripada jumlah tersebut seramai 70 calon bagi Kumpulan Pelaksana (dari Gred 29 hingga Gred 40) dan 150 calon adalah Kumpulan Pelaksana (dari Gred 17 dan kebawah).

Maklumat pelantikan tetap mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2015-2016 adalah sebagaimana **Jadual 3**.

JADUAL 3
MAKLUMAT PELANTIKAN TETAP MENGIKUT KUMPULAN
JAWATAN BAGI TAHUN 2015 - 2016

KUMPULAN JAWATAN	JUMLAH PELANTIKAN 2015	JUMLAH PELANTIKAN 2016
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	12	-
Kumpulan Pelaksana Gred 29 – 40	310	70
Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah	94	150
JUMLAH	416	220



URUSAN

PERKHIDMATAN

PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa seperti berikut;

- Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM)
- Pemberian Taraf Berpencen
- Penetapan Gaji Permulaan
- Pertukaran Pelantikan
- Penamatan Perkhidmatan

Bagi tahun 2016 sebanyak **1,838 Urusan Perkhidmatan** telah dilaksanakan.

PENGESAHAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan merupakan proses mengesahkan lantikan seseorang pegawai yang telah bersetuju menerima tawaran pelantikan ke jawatan tetap dan telah memenuhi syarat tawaran.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk seramai 267 orang anggota perkhidmatan awam Negeri Johor pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut 12 pengesahan adalah untuk pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 255 bagi kumpulan pelaksana. Maklumat pengesahan pelantikan tahun 2016 adalah seperti **di Jadual 4**.

JADUAL 4
PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2015 - 2016

BIL	PERKHIDMATAN	2015	2016
1.	Pengurusan dan Profesional	1	12
2.	Pelaksana	296	255
JUMLAH		297	267

Butiran terperinci Pengesahan Pelantikan tahun 2016 mengikut Skim Perkhidmatan adalah sebagaimana **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGESAHAN PELANTIKAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2016

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir	N41	12
2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	101
3	Penolong Pegawai Tanah	NT29	7
4	Pembantu Hal Ehwal Islam	S19	1
5	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	2
6	Pembantu Syariah	LS19	10
7	Juruteknik Komputer	FT19	1
8	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	105
9	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	4
10	Pembantu Makmal	C19	1
11	Pemandu Kenderaan	H11	10
12	Pengawal Keselamatan	KP11	8
13	Pembantu Awam	H11	5
JUMLAH			267

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan selepas syarat-syarat tertentu dipatuhi oleh pegawai. Syarat-syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan adalah bagi lantikan pertama dan kenaikan pangkat secara lantikan.

Suruhanjaya telah meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan sebanyak 1,076 permohonan pada tahun 2016. daripada jumlah tersebut seramai 10 orang adalah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala bakinya berjumlah 1,066 orang adalah daripada kumpulan Pelaksana. Butirannya adalah sebagaimana **Jadual 6**.

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2015-2016

BIL	PERKHIDMATAN	2015	2016
1.	Pengurusan dan Profesional	6	10
2.	Pelaksana	3,465	1,066
JUMLAH		3,471	1,076

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN MENGIKUT
SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	KELULUSAN PERMOHONAN
1	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	4
2	Pegawai Pertanian	G41	5
3	Pegawai Syariah	LS41	1
4	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	162
5	Penolong Pegawai Tadbir	N29	8
6	Penghulu	NP29	7
7	Penolong Pegawai Syariah	LS29	5
8	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	9
9	Penolong Jurutera	JA29	33
10	Penolong Arkitek Landskap	JA29	3
11	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA29	1
12	Setiausaha Pejabat	N29	2
13	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1
14	Penolong Pemelihara Hutan	G22	3
15	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	9
16	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S19	1
17	Pembantu Hal Ehwal Islam	S19	15
18	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	41
19	Juruaudio Visual	N19	10
20	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	10
21	Tukang Masak	N19	1
22	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	31
23	Pembantu Belia Dan Sukan	S19	4
24	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam / Seni bina)	JA17	4
25	Renjer Hutan / Pemeliharaan Hutan	G17	15
26	Pembantu Kemahiran	H17	21
27	Pengawas Hutan	G11	104
28	Pembantu Operasi	N11	48
29	Penghantar Notis	N11	8
30	Pengawal Keselamatan	KP11	2
31	Pembantu Awam	H11	79
32	Pemandu Kenderaan	H11	405
33	Pekerja Rendah Awam	R1	23
34	Tukang K3	R9	1
JUMLAH			1076

PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan disebabkan oleh tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, belum menghadiri Kursus Induksi /Program Transformasi Minda atau tidak mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaannya. Kelulusan bagi tempoh percubaan ini adalah sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30(1)

Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi tahun 2016 seramai 15 pegawai telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan dengan pecahannya 3 pegawai dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 12 pegawai daripada kumpulan Pelaksana. Maklumat kelulusan perlanjutan tempoh percubaan adalah sebagaimana **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2015 - 2016

BIL.	PERKHIDMATAN	2015	2016
1.	Pengurusan dan Profesional	2	3
2.	Pelaksana	15	12
JUMLAH		17	15

Butiran terperinci kelulusan Pelanjutan tempoh percubaan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN MENGIKUT SKIM BAGI TAHUN 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Pegawai Belia Dan Sukan	S41	2
2	Kurator	S41	1
3	Penolong Jurutera	JA29	1
4	Penolong Pegawai Syariah	LS27	2
5	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	1
6	Penolong Pegawai Tanah	NT27	1
7	Setiausaha Pejabat	N27	1
8	Penolong Pegawai Pertanian	G27	1
9	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	1
10	Pengawas Hutan	G17	1
11	Pembantu Awam	H11	3
JUMLAH			15

PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah meluluskan 12 permohonan bagi pengecualian menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) sebagaimana yang disyaratkan untuk Pengesahan Dalam Jawatan kerana pegawai berkenaan telah menghadiri PTM semasa dijawatan sebelum ini. Butirannya adalah sebagaimana **Jadual 10**.

Butiran terperinci kelulusan Pengecualian Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) tahun 2016 **Jadual 11**

JADUAL 10
PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)
TAHUN 2016

BIL.	PERKHIDMATAN	2015	2016
1.	Pengurusan dan Profesional	2	1
2.	Pelaksana	20	11
JUMLAH		22	12

JADUAL 11
PENGECUALIAN MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)
TAHUN 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	1
2	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S27	2
3	Penolong Pegawai Tadbir	N27	7
4	Juruaudio Visual	N17	1
5	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	1
JUMLAH			12

PEMBERIAN TARAF BERPENECEN

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan membuat opsyen tidak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah memilih Skim Pencen mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang

boleh diambil kira, boleh diberi Taraf Berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Sepanjang tahun 2016 Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 432 pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Jadual 12 menunjukkan pecahan pegawai mengikut kumpulan yang telah diberikan taraf berpencen.

JADUAL 12
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN BAGI TAHUN 2015 - 2016

BIL.	PERKHIDMATAN	2015	2016
1	Pengurusan dan Profesional	2	4
2	Pelaksana	539	428
JUMLAH		541	432

Jadual 13 menunjukkan kelulusan Pemberian Taraf Berpencen mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2016.

JADUAL 13
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN MENGIKUT
SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH KELULUSAN
1	Jurutera	J41	1
2	Pegawai Pertanian	G41	1
3	Akauntan	W41	1
4	Pegawai Sains	C41	1
5	Penolong Jurutera	JA29	13
6	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	157
7	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1
8	Penolong Arkitek Landskap	JA29	3
9	Penolong Pegawai Pertanian	G29	2
10	Penolong Pegawai Syariah	LS29	1
11	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	1
12	Setiausaha Pejabat	N29	3
13	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	7
14	Pengawas Hutan	G19	3
15	Pembantu Kemahiran	H19	3
16	Pembantu Am	N11	5
17	Pembantu Awam	H11	188
18	Pemandu Kenderaan	H11	24
19	Pengawal Keselamatan	KP11	1
20	Pekerja Rendah Awam (KUP)	R1	16
Jumlah			432

PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan seorang pegawai yang baru dilantik ditetapkan seperti berikut:

- Seseorang pegawai yang dilantik **buat kali pertama** ke dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan mengikut Jadual Gaji Skim Perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.
- Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatannya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai berkenaan hendaklah pada **satu mata gaji yang lebih tinggi** seperti di peruntukan di bawah Peraturan 25 (7) dan (8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.
- Pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki **pengalaman yang relevan** dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji yang lebih tinggi berdasarkan **satu pergerakan gaji biasa** bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.
- Bagi bekas tentera yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam yang mempunyai pengalaman yang relevan atau tidak relevan sepenuhnya dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang disandang boleh ditimbangkan Hadiah Pergerakan Gaji mengikut formula yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1979 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 atau Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah mengunapakai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016 yang telah timbalguna dan berkuatkuasa pada 23 Jun 2016.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah meluluskan 23 urusan penetapan gaji permulaan di bawah Peraturan 25(2) dan 25(7) iaitu berdasarkan pengalaman relevan.

Ia melibatkan 11 orang Pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Professional dan 12 orang dari kumpulan Pelaksana. Maklumat penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELULUSAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN BAGI 2016

BIL.	URUSAN	2016
1	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman disektor swasta dan awam mengikut peraturan 25(2) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.	19
2	Pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik dalam skim perkhidmatan yang lain sebagaimana peraturan 25(7) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.	4
Jumlah		23

PERTUKARAN

Urusan pertukaran yang melibatkan Suruhanjaya adalah termasuk:

- Pertukaran seseorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan di dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa SPAJ.
- Pertukaran seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor di bawah bidang kuasa SPAJ
- Pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa SPAJ ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan tanpa melalui proses pelantikan biasa dan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa sekarang. Kaedah pertukaran yang di uruskan oleh Suruhanjaya pada masa ini adalah termasuk:

- Pertukaran Pelantikan
- Pertukaran Perkhidmatan

PERTUKARAN PELANTIKAN

Permohonan Pertukaran Pelantikan Dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Negeri Johor Atas Permohonan Sendiri

Pertukaran perkhidmatan yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya adalah atas permohonan sendiri. Pertukaran perkhidmatan bagi kes seperti ini dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain di tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu.

Urusan pertukaran perkhidmatan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016. Pada tahun 2016 sebanyak 10 permohonan pegawai untuk pertukaran perkhidmatan dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diterima dari pelbagai jawatan **sebagaimana Jadual 15.**

JADUAL 15
PERMOHONAN PERTUKARAN PELANTIKAN
DARI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
KE PERKHIDMATAN AWAM NEGERI JOHOR TAHUN 2016

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH PERMOHONAN DI TERIMA
1	Pemandu Kenderaan	H11	3
2	Penolong Pegawai Pertanian	G29	1
3	Penolong Jurutera	JA29	3
4	Pembantu Tadbir	N19	1
5	Pembantu Tadbir Kewangan	W19	1
6.	Pembantu Veterinar	G19	1
JUMLAH			10

Permohonan Pelepasan Untuk Pertukaran Pelantikan dari Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Awam Persekutuan

Sebanyak satu (1) permohonan bagi pelepasan Pertukaran Pelantikan telah diterima dan diluluskan.



URUSAN NAIK PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB

PENGENALAN

Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 memperuntukkan, antara lain fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor adalah untuk menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap orang-orang yang ada di dalam perkhidmatan kerajaan negeri. Fungsi suruhanjaya berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib meliputi urusan berikut:

- Menguruskan kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri.
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat.
- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.
- Menguruskan rayuan tatatertib.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan berikut:-

- Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pegawai Kewangan Negeri

Sepanjang tahun 2016, tiada urusan kenaikan pangkat bagi jawatan tersebut berbanding satu urusan pada tahun 2015.

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Sepanjang tahun 2016 sebanyak satu kes rayuan kenaikan pangkat telah ditimbangkan melibatkan kes rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat berbanding tiada rayuan kenaikan pangkat yang diterima pada tahun 2015. Maklumat lanjut adalah sebagaimana **Jadual 16**.

JADUAL 16
KES RAYUAN KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2016

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				SAH	UBAH	REMIT
1	Pengurusan dan Profesional	1	1	1	-	-

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib Negeri Johor. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai pihak berkuasa tatatertib bagi kes-kes tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Sepanjang tahun 2016, **tidak ada kes** melibatkan tindakan tatatertib yang di pertimbangkan oleh Suruhanjaya.

RAYUAN TATATERTIB

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Sepanjang tahun 2016 Suruhanjaya telah memutuskan 9 kes rayuan tatatertib berbanding 18 kes rayuan pada tahun 2015. Maklumat lanjut adalah sebagaimana **Jadual 17**.

JADUAL 17
RAYUAN TATATERTIB TAHUN 2016

BIL.	PERKARA	TAHUN 2015	TAHUN 2016
1	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	14	7
2	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula.	4	2
3	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salahlaku perayu tapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan.	-	-
4	Mengakaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu.	-	-
Jumlah		18	9

MESYUARAT
SURUHANJAYA

MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah mengadakan 12 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 166 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 13 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak dua (2) kali Mesyuarat Khas telah diadakan iaitu pada 27 Julai, 2016 dan 13 Disember 2016.

Selain itu, Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang telah bersidang sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2016 dan telah menimbang sebanyak sembilan (9) kertas pertimbangan rayuan tatatertib. Selaku Pihak Berkuasa Melantik yang memiliki bidang kuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat, satu (1) Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam telah berjaya dilaksanakan dan 1 kertas rayuan kenaikan pangkat telah dipertimbangkan.

Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1	Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	12
2	Mesyuarat Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	2
3	Mesyuarat Tapisan	6
4	Mesyuarat Pelantikan	8
5	Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Pejabat SUKJ, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1
6	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	4
7	Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	1
8	Mesyuarat Lanjut Tempoh Percubaan	5
9	Mesyuarat Penentuan Gaji Permulaan	9

PERBELANJAAN MENGURUS


PERUNTUKAN TANGGUNGAN

Peruntukan bagi tahun 2016 bagi maksud **Tanggung T.02** – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor yang telah diluluskan adalah berjumlah **RM 485,179.00** Daripada jumlah tersebut perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM 480,474.73 atau 99.03% daripada bajet.

Perbelanjaan tersebut adalah untuk Objek Sebagai “Bekalan dan Perkhidmatan” khusus untuk kegunaan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya. Peruntukan tanggungan bagi tahun 2016 berbanding perbelanjaan sebenar bagi tahun 2016 adalah seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI PERBELANJAAN TANGGUNGAN T01 - SPAJ TAHUN 2016

OBJEK AM	PERUNTUKAN TAHUN 2016 (RM)	PERBELANJAAN TAHUN 2016 (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Bekalan/Perkhidmatan	485,179.00	480,474.73	99.03
JUMLAH	485,179.00	480,474.73	99.03



PERUNTUKAN BEKALAN


Peruntukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor tahun 2016 bagi maksud **Bekalan B.01** berjumlah **RM 889,000**. Peruntukan ini adalah khusus untuk kegunaan Pengurusan Suruhanjaya dalam melaksanakan misi dan visi jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM638,500 adalah untuk bayaran emolumen manakala bakinya sebanyak RM250,500 adalah untuk Bekalan dan Perkhidmatan.


Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM811,296.55 atau 91.25% berbanding bajet 2016. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 19**. Peruntukan Bekalan bagi B01 bagi tahun 2016 adalah seperti Carta 3.

JADUAL 19
PERBELANJAAN SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI PERBELANJAAN BEKALAN B.01 - SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR TAHUN 2016

OBJEK AM	PERUNTUKAN TAHUN 2016 (RM)	PERBELANJAAN TAHUN 2016 (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Emolumen	638,500.00	571,696.82	89.54
Bekalan/Perkhidmatan	250,500.00	239,599.73	95.84
JUMLAH	889,000.00	811,296.55	91.25

CARTA B
PERUNTUKAN BEKALAN B.01 SPAJ TAHUN 2016





PENGURUSAN

MAKLUMAT & ICT

PENGENALAN

Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat dan ICT di negara ini, maka sebahagian besar proses kerja dan perkhidmatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) dilaksanakan berteraskan ICT. Untuk itu Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah diberi tanggungjawab bagi memastikan pengurusan maklumat yang terancang dan bersepadu seiring dengan objektif penyampaian perkhidmatan yang berterusan kepada jabatan dan orang awam. Bahagian ini juga mendapat kerjasama dari segi pembangunan sistem tertentu daripada Unit ICT Negeri Johor terutama yang melibatkan proses permohonan secara online.

SISTEM APLIKASI DI BAWAH UNIT ICT JOHOR – JOHORCAREER

Sistem Pengurusan Tenaga Kerja-JohorCareer Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan SPAJ.

Sistem yang telah dibangunkan ini merupakan sistem dalam talian yang digunakan oleh pemohon bagi memohon jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan swasta dan mula digunakan pada tahun 2015.

Secara ringkas sistem ini memerlukan pemohon untuk mendaftar satu akaun dan mengisi borang secara online bagi memohon jawatan kosong. Modul ini juga akan mengemaskini maklumat pemohon dan menyemak status permohonan dari masa kesemasa.

SISTEM APLIKASI DALAM TALIAN DAN SISTEM SOKONGAN BPM-SPAJ

Bahagian Pengurusan Maklumat juga membangunkan sendiri beberapa sistem aplikasi bagi tujuan pengurusan dan beberapa fungsi SPAJ termasuk:-




SISTEM PENILAIAN PRESTASI TEMU DUGA V2 (SPPT)

Membantu Unit Pengambilan dan Perkhidmatan bagi mengemaskini maklumat calon temu duga dan membantu Panel bagi penilaian prestasi temu duga semasa sesi temu duga dijalankan.



SISTEM PENGURUSAN PENGAMBILAN (SPP)

Pendaftaran surat-surat masuk dari jabatan-jabatan oleh Setiausaha Pejabat dan penyemaknan penerimaan surat di Unit Perkhidmatan.




SISTEM PENGURUSAN FAIL (FMS)

Berfungsi untuk mendaftar fail baru, permohonan pinjaman fail dan pemulangan fail oleh Unit Pentadbiran.

SISTEM PENGURUSAN ADUAN (SPAJ JAWAB)

Menerima aduan, cadangan dan pertanyaan pelanggan bagi penambahbaikan urusan perkhidmatan.



KERJASAMA SISTEM KAWAL SELIA ANTARA AGENSI

Senarai sistem kawalselia antara agensi :

BIL.	PAPARAN	FUNGSI
1.	Sistem eVetting - Sistem eVetting Urusan Tapisan Keselamatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) JPM	Membuat permohonan baru, pertanyaan status dan keputusan bagi proses tapisan halus dan kasar bagi penjawat-penjawat awam untuk melihat perkara-perkara terperingkat sulit, rahsia dan rahsia besar.
2.	Sistem Maklumat Pelajar Praktikal (SMPP)- Sistem Maklumat Pelajar Praktikal USTICT Johor	Menyemak permohonan pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bagi menjalani latihan Industri di Jabatan-Jabatan Kerajaan.
3.	Sistem eTapis – Semakan maklumat individu SPA Malaysia	Menyemak maklumat individu bagi tujuan pelantikan dalam maklumat kenegaraan (JPN), Jenayah (CGSO), Kebankrapan (Insolvensi) dan Rasuah (SPRM).
4.	Sistem Pengiktirafan Kelayakan – Perkhidmatan Awam Kementerian Pendidikan Tinggi	Menyemak kelayakan akademik sijil, diploma dan ijazah didalam negara dan luar negara bagi tujuan pelantikan penjawat awam.


LAPORAN PORTAL & MEDIA SOSIAL RASMI

Portal rasmi SPAJ telah dinaiktaraf mengikut piawaian MDEC dan MAMPU. Sebagai inisiatif, BPM telah mengambil langkah untuk menukar sedikit struktur portal supaya lebih kemas dan informasi mudah dicapai. Setelah dipersetujui oleh Pengerusi Jawatankuasa Portal dan Teknikal, portal SPAJ yang baru dilancarkan pada Januari 2015 terus ke pautan JohorCareer.

Bahagian Pengurusan Maklumat telah menerima permohonan pengemaskinian portal dan media sosial melalui IMS dimana permohonan pengemaskinian bagi panggilan temu duga adalah yang paling tinggi diikuti keputusan temu duga.


Media Sosial Facebook dan Twitter antara media perantaraan selain portal rasmi.

BILANGAN PELAWAT PORTAL, FACEBOOK DAN TWITTER




Web 2.0 atau lebih dikenali sebagai media sosial rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah mencatat pengurangan bilangan '*Likes*' dan '*Followers*' bagi Facebook dan Twitter. Seperti yang dapat dilihat melalui carta di atas, bilangan '*Likes*' bagi Facebook rasmi mencatat sedikit peningkatan pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2015.

STATISTIK ADUAN & CADANGAN @SPAJawab



Setiap aduan dan cadangan melalui Sistem SPAJawab direkodkan bagi mengenalpasti tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.



AKTIVITI SURUHANJAYA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN 16 MAC 2016



Pendaftaran calon Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi Gred N19).

Calon sedang mendengar amanat daripada Pengerusi SPAJ.



Pengerusi SPAJ, YB Dato' Hj Mohd Rashidi bin Mohd Noor sedang memberikan amanat.

MAJLIS ANGKAT SUMPAH Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor 21 Mac 2016

YB Dato' Haji Marsan bin Kassim dan Tuan Haji Norizan bin Kulob bersama Y.A. Dato' Mohd Sofian bin Tan Sri Abd Razak, Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru.



YB Dato' Haji Marsan bin Kassim, Pengerusi SPAJ bersama Tuan Haji Norizan bin Kulob Ahli SPAJ.

MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN 7 OGOS 2016



Pegawai Tadbir Gred N41.

Pembantu Setiausaha Pejabat N19
& Pembantu Awam Gred H11.



Juruteknik Komputer Gred FT19.

LAWATAN SPN TERENGGANU KE SPA JOHOR SEPTEMBER 2016

Wakil SPN Terengganu menyampaikan cenderahati kepada wakil SPA Johor.



Gambar bersama wakil SPN Terengganu



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN 4 OKTOBER 2016

Pengerusi dan Ahli-Ahli SPAJ bergambar bersama calon berjaya jawatan Pegawai Tadbir N41.



Calon-calon berjaya bagi jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, Penghulu Gred NP29 dan Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19.

Calon sedang menyanyikan lagu Bangsa Johor semasa Majlis Penyerahan Surat Tawaran Pelantikan.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015 DI LEDANG HEIGHT 16 NOVEMBER 2016



Pengerusi SPAJ sedang memberikan amanat.

Penerima APC tahun 2015 Puan Zaharah binti Othman.



BENGKEL PENAMBAIKAN PROSEDUR KERJA BAHAGIAN PENGAMBILAN 27 - 29 NOVEMBER 2016



Latihan dalam kumpulan.

Pembentangan oleh Setiausaha SPAJ.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN PENGHULU GRED NP29, PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19, JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19, PADA 13 DISEMBER 2016

Ahli SPAJ dan calon dalam Majlis Penyerahan Surat Tawaran Pelantikan menyanyi lagu Bangsa Johor dan lagu Negaraku.



Calon-calon yang berjaya.

Tuan Haji Mohd Jaffar bin Haji Awang sedang menyampaikan surat tawaran pelantikan kepada salah seorang calon yang berjaya.



AKTIVITI WARGA

SPAJ

HARI KELUARGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR TAHUN 2016 DI MORIB SEPANG, SELANGOR 22-24 JANUARI 2016



Aktiviti sukaneka dan senamrobik oleh warga SPAJ.

MAJLIS JASAMU DI KENANG SEMPENA TAMAT PERKHIDMATAN Pengerusi DAN AHLI SURUHANJAYA DI HOTEL MUTIARA, JOHOR BAHRU 10 APRIL 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Pengerusi SPAJ YB Dato' Haji Mohd Rashidi bin Mohd Noor Mantan Pengerusi SPAJ bersama tetamu yang hadir di majlis jasmu dikenang.



Setiausaha Kerajaan Negeri Johor menyampaikan cenderahati kepada YB Dato' Haji Mohd Rashidi bin Mohd Noor Mantan Pengerusi SPAJ.

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor menyampaikan cenderahati kepada YB Dato' Haji Omar bin Awab Mantan Ahli SPAJ.



YB Dato' Haji Mohd Rashidi bin Mohd Noor Mantan Pengerusi SPAJ menyampaikan ucapan.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 30 JUN 2016



Majlis sambutan hari
raya SPAJ.



PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor,
Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor,
Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua pihak atas kerjasama erat yang diberikan sepanjang tahun 2016.

Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan atas segala khidmat setia, baik, cekap dan efisien serta dedikasi yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan SPAJ dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak
Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri
Johor Darul Takzim
Tel: 07-266 6422/23
Fax: 07-2909890/91
Web Site: spaj.johor.gov.my
Email: spaj@johor.gov.my*



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
ARAS 3, BANGUNAN DATO ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR
79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR DARUL TA'ZIM